

RONA TINTA

EDISI 2025



FAKULTI PENGURUSAN & PERNIAGAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS REMBAU



PEMUDA TONGGAK KEDAULATAN NEGARA

Mohd Ridzuan Ibrahim

Anak muda ialah golongan remaja dan belia berumur antara 15 – 40 tahun (menurut Akta Belia 2019 di Malaysia, had umur belia ditetapkan 15 – 30 tahun). Mereka dianggap pewaris negara kerana bakal mengambil alih kepimpinan, ekonomi, dan pembangunan masa depan. Di zaman Rasulullah S.A.W juga baginda mengiktiraf golongan muda dalam membantu pentadbiran dan menjaga kedaulatan negara. Contohnya, Usamah Bin Zaid telah dilantik sebagai panglima tentera dalam satu peperangan. Saidina Ali Bin Abu Talib menjadi benteng pertahanan negara sejak dari kecil lagi. Pemuda al-Kahfi juga menjadi simbol betapa anak muda memainkan peranan sebagai tonggak serta benteng akidah dalam mempertahankan keimanan.

Surah Al-Kahf Ayat 14

وَرَبَطْنَا عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ
وَالْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَ مِن دُونِهِ ۚ إِلَهًا لَّقَدْ قُلْنَا إِذَا شَطَطًا

Wa rabatnaa 'alaa quloo bihim iz qaamoo faqaaloo Rabbunaa Rabbus samaawaati wal ardi lan nad'uwa min dooniheee ilaahal laqad qulnaaa izan shatataa

**And We made firm their hearts when they stood up and said,
"Our Lord is the Lord of the heavens and the earth. Never will
we invoke besides Him any deity. We would have certainly
spoken, then, an excessive transgression.**



Jumlah belia Malaysia pada 2023 menunjukkan sekitar 9.2 juta orang. Dalam sektor pendidikan, 70% belia Malaysia menamatkan pendidikan menengah. Kemasukan ke universiti dan kolej meningkat setiap tahun. Penglibatan politik iaitu selepas pindaan Perlembagaan 2019, umur mengundi diturunkan ke 18 tahun (Undi18). Menambahkan jumlah pemilih muda dalam pilihan raya.

Berdasarkan data di atas, penglibatan golongan anak muda atau belia dalam pelbagai sektor amat ketara dari tahun ke tahun. Justeru, peranan anak muda amat diperlukan untuk meneruskan kedaulatan sesebuah negara. Sambutan hari kemerdekaan yang ke-68 pada tahun ini amat bermakna lebih-lebih lagi penglibatan anak muda dalam menyemarakkan sambutan kemerdekaan pada tahun ini. Kemerdekaan bukan sahaja bermaksud kita bebas dari penjajahan semata-mata tetapi apa yang lebih penting ialah sejauh mana golongan muda dapat menimba ilmu untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Pewaris Negara

Pemimpin masa depan memegang jawatan dalam pentadbiran, organisasi, dan masyarakat. Anak muda sekarang banyak dilantik memegang jawatan tertinggi dalam arena politik, badan kerajaan dan juga swasta. Dr Yusuf al-Qardhawi pernah berkata jika kita ingin melihat masa depan sesebuah negara maka kita perlu lihat anak muda kini dalam sesebuah negara. Jika akhlak dan adab anak muda dalam negara adalah baik In Syaa Allah baiklah masa depan negara akan datang dan sebaliknya.

Penggerak Ekonomi

Tenaga kerja utama, usahawan muda, inovator teknologi. Anak muda juga harus memainkan peranan sebagai penggerak ekonomi negara. Kini, di Malaysia ramai usahawan muda menunjukkan kredibiliti sebagai usahawan ulung di tanah air. Antara usahawan yang dimaksudkan ialah saudara Khairul Amin Kamarulzaman (Khairul Aming) yang berjaya mendapat anugerah di Majlis Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini dalam kategori Usahawan/Teknokrat Berjaya 2025.



Penjaga Budaya & Warisan

Memelihara identiti bangsa dan menyebarkan melalui seni, muzik, media sosial. Anak muda seharusnya mempunyai akhlak dan adab dalam berkomunikasi. Untuk itu, keilmuan dalam literasi media sosial perlu ditingkatkan. Dengan keilmuan ini, kita dapat mengelakkan generasi muda ini daripada mengalami ketagihan media sosial dan sebagainya. Komunikasi yang baik dalam platform maya ini dapat memelihara keamanan negara daripada elemen-elemen provokasi, fitnah dan hasutan dapat dielakkan. Justeru, negara akan stabil dan mencapai kedaulatan semaksimanya.

Agen Perubahan Sosial

Aktif dalam NGO, aktiviti sukarelawan, isu alam sekitar, dan hak asasi. Anak muda adalah diharapkan lebih menunjukkan minat untuk menceburi aktiviti kesukarelawan yang menyentuh aspek alam sekitar dan hak asasi manusia. Dalam aktiviti ini golongan muda akan mempraktikkan rasa hormat antara kaum walaupun berbeza budaya dan agama. Sikap ini akan membawa dan memacu negara mencapai kematangan dan kedaulatan negara.

Pemuda Yang Cintakan Masjid

Untuk meneruskan kedaulatan negara, golongan muda mestilah mempunyai ciri-ciri keimanan yang mantap dengan mencintai masjid. Golongan sebegini mempunyai elemen-elemen keikhlasan, keimanan, akhlak dan integriti yang tinggi. Di antara 7 golongan yang mendapat naungan Allah SWT di Padang Mahsyar ialah pemuda yang cintakan masjid. Ciri yang dimaksudkan di atas merupakan benteng asas kepada seorang pemuda untuk diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya kepada negara. Keamanan dan kedaulatan negara akan dikecapi apabila rakyat terutamanya golongan pemuda yang mengerjakan solat secara konsisten. Justeru kejadian buli di kalangan para pelajar sekolah rendah dan menengah dapat dibendung di peringkat awal lagi. Ini bermaksud solat adalah penawar bagi gejala sosial.



Kemerdekaan dan kedaulatan negara bukan hanya dilihat melalui mata zahir semata-mata. Ia sepatutnya disulahi dengan memandang dengan mata akal. Untuk memandang dengan mata akal golongan anak muda mestilah mempelajari dan memanfaatkan ilmu dengan sebaiknya. Kemerdekaan dan kedaulatan negara mestilah dilebarkan dengan menyaksikan menggunakan mata hati. Perjuangan dan pengorbanan para perwira untuk mendapatkan kemerdekaan seharusnya disaksikan dan dihayati oleh seluruh rakyat terutamanya golongan muda dengan penuh keinsafan dan kesyukuran kerana keamanan yang dikecapi kini adalah dengan izin Allah SWT. Kematangan kemerdekaan yang dirasakan kini mestilah dijaga sebelum datangnya kemerosotan tamadun sesuatu bangsa.